

AKAD DALAM TAKAFUL KENDERAAN DARI PERSPEKTIF USTAZ DAN USTAZAH DI MALAYSIA



HAZMI BIN DAHLAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

AKAD DALAM TAKAFUL KENDERAAN DARI PERSPEKTIF USTAZ DAN USTAZAH DI MALAYSIA

HAZMI BIN DAHLAN



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **AKAD DALAM TAKAFUL KENDERAAN DARI PERSPEKTIF USTAZ DAN USTAZAH DI MALAYSIA**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN PERNIAGAAN**

BIDANG : **KEWANGAN DAN PERBANKAN**

Saya **HAZMI BIN DAHLAN**, Sesi **2014-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

TERHAD

/

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,


HAZMI BIN DAHLAN
DB1421023T


ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh: 17 Mac 2023


(Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie bin Abd. Karim)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 September 2022



Hazmi Bin Dahlan
DB1421023T




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : HAZMI BIN DAHLAN
NO. MATRIK : DB1421023T
TAJUK : AKAD DALAM TAKAFUL KENDERAAN DARI PERSPEKTIF
USTAZ DAN USTAZAH DI MALAYSIA
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN PERNIAGAAN
BIDANG : KEWANGAN DAN PERBANKAN
TARIKH VIVA : 9 SEPTEMBER 2022

DISAHKAN OLEH;



Tandatangan

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie bin Abd. Karim

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Syed Azizi Wafa bin Syed Khalid Wafa

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah dan kurnianya, selawat dan salam ke atas junjungan yang mulia, Muhammad s.a.w yang akhirnya tesis ini berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia pertama saya Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie bin Abd. Karim dan penyelia kedua saya Prof. Dr. Syed Azizi Wafa bin Syed Khalid Wafa di atas bimbingan, teguran dan nasihat yang berterusan serta memotivasi sepanjang perjalanan penulisan tesis ini. Saya pasti akan memanfaatkan ilmu dan pengalaman berharga ini dalam menjalankan kajian-kajian di masa akan datang serta menjadikannya sebagai kemahiran yang bakal digunakan apabila menyelia kelak. Saya turut berterima kasih kepada Prof Madya Dr. Ramraini binti Ali Hassan yang telah membantu menjayakan penulisan tesis ini.

Di samping itu, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua isteri saya Dr. Nurulasyikin binti Muda dan Sakinah Yeoh Pui Yeng serta ketiga-tiga anak saya Khadijah binti Hazmi, Muhammad bin Hazmi dan Luqman Yeoh bin Hazmi atas pengorbanan mereka yang memahami kekangan waktu dan perhatian dari seorang suami dan ayah sepanjang pengajian sebagai pelajar pascasiswazah di UMS.

Turut tidak dilupakan ucapan penghargaan kepada rakan-rakan alumni Madrasah Kubang bujuk (MQKB) Kuala Terengganu, alumni Universiti Al al-Bayt Jordan, para pendidik di Sekolah Rendah Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SRAI), pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (UMS KAL), sahabat handai rakan taulan yang telah membantu dalam penyiapan tesis ini. Semoga Allah memberkati kita semua.

Hazmi bin Dahlan
9 September 2022

ABSTRAK

Takaful kenderaan yang digunakan oleh pengguna Muslim di Malaysia merupakan sebuah produk perlindungan yang sentiasa mendapat sambutan. Pengkaji berkeinginan untuk mengkaji penggunaan borang sebagai medium akad dalam takaful kenderaan disebabkan oleh berlakunya beberapa isu perselisihan pendapat antara pelanggan dan syarikat apabila berlaku tuntutan. Pemahaman pelanggan secara holistik atau hanya memahami sebahagiannya sahaja menjadi persoalan kepada pengkaji yang merangkumi konsep-konsep akad di dalam borang menjadikan perkara yang menarik untuk dikaji. Kajian ini merungkaikan pola pecahan rukun dan syarat akad yang mengukur kegunaan akad dalam borang takaful dan kefahaman serta penelitian oleh ustaz dan ustazah yang melibatkan seramai 255 orang sebagai pengguna takaful kenderaan. Berpandukan teori Maqasid al-Syariah (TMS) dan teori Tingkah Laku Pengguna Islam (TiCB) hasil dapatan kajian mendapati terdapat jurang bahagian tertentu rukun yang tidak jelas dalam kandungan akad. Bahagian yang tidak jelas ini menjadi faktor kegagalan memahami kandungan borang takaful kenderaan secara komprehensif. Data juga menunjukkan bahawa tidak semua ustaz dan ustazah mudah memperihalkan ketirisan akad dalam borang takaful melainkan mereka yang mempunyai kekerapan melalui perkhidmatan tersebut di samping faktor-faktor tertentu iaitu salah satunya adalah umur yang melebihi 40 tahun. Kesan kajian ini memberikan gambaran bahawa pengguna Muslim dalam kalangan orang awam tidak mudah untuk memahami kandungan borang takaful kenderaan, apatah lagi untuk mengenal pasti akad yang terkandung apabila kesamaran akad hanya disedari oleh sebahagian daripada ustaz dan ustazah sahaja. Jika mengikut kaedah fiqh mengenai konsep akad situasi sebegini adalah terbatal jika kandungan akad tidak difahami oleh salah seorang yang melakukan akad. Selari dengan dapatan kajian, kajian ini menegaskan agar penelitian semula isi kandungan borang yang terkandung di dalamnya sebarang akad hendaklah dirungkaikan. Natijahnya, borang akad adalah medium penghubung antara pengguna Muslim dengan semua jenis produk takaful dan perbankan kewangan Islam di Malaysia.

Kata Kunci: takaful, kesamaran, akad, borang, kenderaan, ustaz, ustazah, kewangan dan Islam

ABSTRACT

AQAD IN VEHICLE TAKAFUL FROM THE PERSPECTIVE OF USTAZ AND USTAZAH IN MALAYSIA

Vehicle takaful used by Muslim consumers in Malaysia is a protection product that is always popular. The researcher intends to study the use of the form as a medium of contract in vehicle takaful owing to the occurrence of several issues of disagreement between the customer and the company when a claim occurs. Understanding the customer as a whole or only partially understanding is a question to the researcher which covers the concepts of the contract in the form makes it an interesting thing to study. This study enlightens the pattern of the breakdown of the pillars and conditions of the contract that measures the use of the contract in the form of takaful and understanding and research by ustaz and ustazah involving a total of 255 people as vehicle takaful users. Based on the theory of Maqasid al-Syariah (TMS) and the theory of Islamic Consumer Behavior (TiCB), the results of the study reported that there are certain parts of the pillars that are unclear in the content of the covenant. This unclear part is a factor in the failure to understand the contents of the vehicle takaful form as a whole. The data also divulge that not all ustaz and ustazah can easily discover the leakage of the contract in the takaful form except those who have the frequency of subscribing to the service in addition to certain factors, one of which is the age of over 40 years. The effect of this study highlights the impression that Muslim consumers among the general public are not easy to understand the contents of vehicle takaful forms, let alone to identify the contract contained when the ambiguity of the contract is only grasped by a few number of ustaz and ustazah only. If according to the method of fiqh on the concept of contract, such a circumstance is annulled if the content of the contract is not understood by one of the people who made the contract. Drawn from the results obtained, this study accentuates that a review of the contents of the form contained in any agreement should be done. Hence, the contract form is a medium of communication between Muslim consumers with all types of takaful products and Islamic financial banking in Malaysia.

Keywords: takaful, ambiguity, contract, form, vehicle, ustaz, ustazah, finance and Islam

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Definisi Pembolehubah yang Berkaitan dalam Kerangka Kajian	16
1.8.1 Personaliti Ummatik	17
1.9 Ringkasan Bab	21

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep	23
2.3	Industri Takaful di Malaysia	24
2.3.1	Pencapaian Industri Takaful di Malaysia	24
2.3.2	Pertumbuhan dan Prospek Takaful Kenderaan di Malaysia	24
2.3.3	Produk yang Dilibatkan dalam Takaful	27
2.3.4	Konsep Urus Niaga Takaful dalam Islam	28
2.4	Amalan Akad dalam Transaksi Takaful	28
2.4.1	Perbahasan Mengenai Akad Secara Bertulis atau Lafaz atau Kedua-duanya	29
2.4.2	Perbincangan Terhadap Pihak yang Melakukan Akad Antara Islam dan Bukan Islam atau Wakil	30
2.4.3	Cara Amalan Akad Pada Zaman Nabi Muhammad S.A.W dan Para Sahabatnya	31
2.4.4	Rukun Akad dan Pengaplikasian	33
2.4.5	Syarat Sah Akad Terbahagi kepada Lima Bahagian selepas Rukun Akad	35
2.4.6	Perbincangan Mazhab berkenaan Perbezaan Rukun Akad	42
2.4.7	Amalan Kontemporari mengenai Akad atau Konsep Akad dalam Borang Takaful di Malaysia	46
2.4.8	Pengamalan Akad dalam Industri Takaful Dalam dan Luar Negara	50
2.4.9	Teori Maqasid Al-Syariah (TMAS)	50
2.4.10	Teori Maqasid Al-Syariah: Hujah Klasikal	53
2.4.11	Teori Maqasid Al-Syariah: Hujah Ulama Kontemporari	55
2.4.12	Teori tingkah Laku Pengguna Islam (<i>Theory of Islamic Consumer Behaviour</i> (TiCB))	59

2.5	Kesempurnaan Akad Takaful Kenderaan	63
2.6	Kajian Lepas	65
2.6.1	Jurang Populasi Kajian	66
2.6.2	Bukti Wujud Jurang Kajian (<i>Evidence Gap</i>)	67
2.7	Kajian Terhadap Kandungan Akad di Malaysia	69
2.8	Ringkasan Bab	70

BAB 3: KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	71
3.2	Falsafah Kajian	71
3.3	Aplikasi Teori/Model sebagai Kerangka Teoretikal Kajian	73
3.3.1	Pemilihan Teori Model sebagai Kerangka Kajian	74
3.3.2	Kerangka Kajian	75
3.4	Pembinaan Hipotesis Kajian	76
3.5	Hipotesis Kajian	76
3.5.1	Hubungan antara Pembolehubah Bersandar dan Demografi	76
3.5.2	Pembolehubah Bersandar Rukun dan Syarat	77
3.5.3	Pemboleh Ubah yang Tidak Bersandar	78
3.5.4	Pembolehubah Penyederhana Personel Ummatik	79
3.6	Reka Bentuk Kajian	81
3.7	Jenis dan Tujuan Kajian	82
3.7.1	Unit Analisis (<i>Unit of Analysis</i>)	83
3.7.2	Tempoh Masa (<i>Time Frame</i>)	83
3.7.3	Populasi dan Lokasi Geografi Kajian	83
3.7.4	Persampelan dan Teknik Persampelan	84
3.8	Instrumen Kajian	86

3.8.1	Instrumen Personaliti Ummatik	87
3.8.2	Instrumen Jurang Perbezaan Akad Takaful Kenderaan	90
3.9	Cara Pengumpulan Data	93
3.10	Metod Penganalisisan Data	94
3.11	Ringkasan Bab	94


BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	95
4.2	Kajian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	96
4.3	Demografi Responden Kajian	97
4.4	Analisis Faktor	100
4.5	Ujian Kebolehpercayaan (<i>Reliability Test</i>)	104
4.6	Data Diskriptif	105
4.7	Ujian Penormalan (<i>Normality Test</i>)	108
4.8	Uji Beza Dua Sampel Berpasangan (<i>Paired T-Test</i>)	108
4.9	Analisis Regresi Pelbagai (<i>Multiple Regression Analysis</i>) ke atas Hubungan Demografi dengan Penentuan Rukun dalam Borang Akad Takaful Kenderaan	112
4.9.1	Hubungan Demografi dengan Persepsi Kesamaran dalam Kesempurnaan Akad	112
4.9.2	Hubungan Pengetahuan dengan Persepsi Kesamaran Dalam Kesempurnaan Akad dalam Penentuan Kejelasan Rukun Akad	116
4.9.3	Hubungan Penyederhana Personal Ummatik sebagai Penyederhana Terhadap Rukun Akad dan Demografi	117
4.9.4	Pengaruh Penyederhana Personal Ummatik sebagai Penyederhana terhadap Pengetahuan (TOK)	120
4.10	Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>)	121
4.10.1	Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Rukun Akad pada Ilmu Ustaz dan Ustazah	121

4.10.2	Analisis Regresi Hierarki (Hierarchical) Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah dalam Borang Takaful Kenderaan	125
4.11	Ringkasan Bab	129
BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN		
5.1	Pengenalan	133
5.2	Kajian Rukun Akad	133
5.2.1	Jurang Kesamaran Rukun Akad	134
5.2.2	Hubungan Demografi dengan Penentuan Rukun dalam Borang Akad Takaful Kederaan	134
5.2.3	Hubungan Pengetahuan Dalam Penentuan Kejelasan Rukun Akad	135
5.2.4	Hubungan Penyederhana Personal Ummatik Sebagai Penyederhana terhadap Rukun Akad dan Demografi	136
5.2.5	Rumusan Objektif Kajian	136
5.4	Kesimpulan	139

BAB 6: PERBINCANGAN DAN PENUTUP		
6.1	Pengenalan	140
6.2	Ringkasan (<i>Recapitulation</i>)	140
6.3	Perbincangan Kajian	141
6.4	Sumbangan Kajian	142
6.5	Sumbangan Teori	143
6.6	Sumbangan Metod	144
6.7	Sumbangan Pengurusan	146
6.8	Limitasi Kajian	147
6.9	Cadangan Kajian Akan Datang	147
6.10	Kesimpulan	148

RUJUKAN	149
LAMPIRAN	165



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Perbezaan antara Kajian Deskriptif dan Eksperimental	81
Jadual 3.2 : Perbezaan Kerja antara <i>Exploratory</i> dan <i>Explanatory</i>	82
Jadual 3.3 : Perbezaan Persampelan	84
Jadual 3.4 : Rangka Pembahagian Skala	86
Jadual 3.5 : Rangka Soalan Personaliti Ummatik	87
Jadual 3.6 : Rangka Soalan Kesamaran Akad Takaful Kenderaan	91
Jadual 4.1 : <i>Reliability Statistics</i>	96
Jadual 4.2 : Ringkasan Kadar Maklumbalas	98
Jadual 4.3 : Profail Responden	98
Jadual 4.4 : KMO dan Ujian Bartlett's Pada Ilmu Ustaz dan Ustazah	101
Jadual 4.5 : <i>Factor Loading</i> Pada Ilmu Ustaz dan Ustazah	101
Jadual 4.6 : KMO dan ujian <i>Bartlett's</i> Penelitian Akad oleh Ustaz dan Ustazah Pada Borang Sebenar Takaful	107
Jadual 4.7 : <i>Factor Loading</i> Rukun Pada Borang	107
Jadual 4.8 : <i>Reliability Statistics</i> Rukun Pada Ilmu Ustaz / Ustazah	104
Jadual 4.9 : <i>Reliability Statistics</i> Rukun Pada Borang	105
Jadual 4.10 : Data Diskriptif Setiap Pembolehubah	106
Jadual 4.11 : Uji Beza Dua Sampel Perbezaan Persepsi dalam Kesamaran Akad Takaful	109
Jadual 4.12 : Uji Beza Dua Sampel Hipotesis	110
Jadual 4.13 : Hubungan Pemboleh Ubah Bersandar dengan Jantina	115
Jadual 4.14 : Min Untuk Keseluruhan Soalan Rukun Akad Pada Ilmu dan Pada Borang	114

Jadual 4.15	: Analisis Regresi Pelbagai (<i>Multiple Regression Analysis</i>) ke atas Hubungan Demografi dengan Rukun Akad Pada Ilmu dengan Pembolehubah Tidak Bersandar	115
Jadual 4.16	: Analisis Regresi Pelbagai (<i>Multiple Regression Analysis</i>) ke atas Hubungan Demografi dengan Rukun Akad Pada Borang dengan Pembolehubah Tidak Bersandar	122
Jadual 4.17	: Carta <i>Frequency</i> Demografi Kategori Umur Ustaz dan Ustazah	123
Jadual 4.18	: Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah Pada Ilmu	124
Jadual 4.19	: Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah Pada Umur	126
Jadual 4.20	: Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah Pada Gaji	127
Jadual 4.21	: Analisis Regresi hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan Penyederhana terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah dalam Borang Takaful	128
Jadual 4.22	: Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah Pada Umur dalam Borang Takaful	129
Jadual 4.23	: Analisis Regresi Hierarki (<i>Hierarchical</i>) Kesan terhadap Hubungan antara Rukun Akad dengan Ustaz dan Ustazah Pada Gaji dalam Borang Takaful	
Jadual 4.24	: Rumusan Hasil Kajian	

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Peningkatan Takaful Am dan Insuran Am	2
Rajah 1.2 : Taksiran Komisen Wakalah	5
Rajah 1.3 : Keratan Akad Borang Takaful Kenderaan	10
Rajah 2.1 : Teori Maqasid Al-Syariah	52
Rajah 2.2 : Hubungan <i>Maqasid al-syariah</i> dan Personaliti Ummatik Ilutrasikan Pengkaji	59
Rajah 3.1 : Teori Penaakulan Deduktif (<i>Theory of Deductive Reasoning</i>)	73
Rajah 3.2 : Kerangka Kajian	75
Rajah 3.3 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik	165
Lampiran B : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	171
Lampiran C : Data Jumlah Ustaz dan Ustazah di Malaysia Data daripada JAKIM	172
Lampiran D : Surat dan Data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	173
Lampiran E : Data Analisis SPSS	174
Lampiran F : Borang Takaful Kenderaan di Malaysia	204
Lampiran G : Borang Insuran Kenderaan di Malaysia	209
Lampiran H : Borang Takaful Kenderaan Jordan (<i>Islamic Insurans Jordan</i>) Borang yang Digunakan Untuk Perbandingan dengan Borang Takaful Kenderaan di Malaysia	214
Lampiran I : Soalan-Soalan Rintis dan Perubahan	221
Lampiran J : Soalan-Soalan Kajian Rintis	272
Lampiran K : Gambar-Gambar Melakukan Soalan Rintis dan Perbincangan dengan Pakar	296

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan

Kajian ini meneliti kedudukan posisi bahagian teks akad dalam borang takaful kenderaan berhubung dengan rukun-rukun serta syarat-syarat akad yang menjadi rujukan dasar sebagai menentukan kesahan akad itu sendiri bersama jelasnya posisi kedudukan bahagian akad itu dalam sesebuah borang takaful kenderaan melalui kajian tinjauan. Bab ini merangkumi latar belakang permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Turut juga dibincangkan pemboleh ubah bersandar, penyederhana dan pemboleh ubah tidak bersandar yang akan menjelaskan konsep kajian ini dengan beberapa kosa kata yang dihuraikan iaitu; akad, kesamaran akad, pelaku akad, takaful kenderaan, muamalat, personaliti ummatik, fiqh muamalat serta ustaz dan ustazah.

1.2 Latar Belakang

Peningkatan pembelian kenderaan pada setiap tahun menunjukkan potensi meningkatnya penabung takaful kenderaan. Pemasaran produk takaful yang efektif bukan hanya meliputi hal pengiklanan dan tawaran harga yang menarik, malah elemen dalam menentukan sesebuah akad kepada kontrak yang dijalankan antara penjual dan penabung hendaklah dijadikan perkara yang turut dititik beratkan.

Peningkatan ini boleh dilihat dari tahun ke tahun seperti yang dinyatakan dalam laporan carta Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tahun 2020 dan 2021 pada Rajah 1.1 yang menunjukkan prestasi sektor insurans am dan takaful am mengekalkan momentum pertumbuhan.



Rajah 1.1 : Peningkatan Takaful Am dan Insurans Am

Sumber : Bank Negara Malaysia Sektor Insurans dan Takaful

Seperti yang dinyatakan lebih awal kajian ini, berkenaan dengan permintaan perlindungan takaful am dan insurans am menurut penjelasan Akta 759 IFSA 2013. Melalui penditilan pemerhatian pengkaji, peningkatan ini agak terganggu dari carta tahun sebelumnya kerana ada kaitan situasi pandemik covid 19 yang telah melanda kita di seluruh dunia pada tahun 2020 dan 2021 namun kadar pertumbuhan takaful am dan insurans am kekal naik pada ST1 2021 sebanyak 5.1%. Sesuai dengan kenyataan Safder Jaffers (2010: 3) keperluan takaful atau insurans Islam iaitu takaful semakin meningkat permintaannya dari hari ke hari di seluruh dunia dengan memperlihatkan kenaikan setiap tahun sebanyak 20%. Melalui Akta takaful yang telah dikuat kuasakan pada tahun 1984 di Malaysia membolehkan adanya pengendali takaful pertama yang diperbadankan di Malaysia pada bulan November dalam tahun itu.

Menurut Hendon Redzuan (2005), takaful merupakan satu konsep insurans yang berasaskan fiqh muamalat dan berlandaskan hukum syariah. Dari segi istilah Abu Sattar Abu Guddah (2008), takaful didefinisikan sebagai penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratian yang berlaku terhadap salah seorang ahli penabung dengan cara membayar pampasan dengan kadar yang munasabah kepada ahli yang ditimpa kemudaratian melalui wang yang disumbangkan oleh

penabung-penabung secara ansuran. Pengertian maksud takaful ini sejajar dengan pengertian takaful melalui 759 IFSA 2013 adalah merupakan suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama oleh penabung takaful yang bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan apabila berlakunya sesuatu insiden.

Dalam konteks ini, konsep *at-ta'min* diguna pakai sebagai sebuah kaedah pembangunan wang bagi tujuan perlindungan yang dilakukan oleh individu sebagai penabung kepada sesuatu keadaan yang telah disepakati pembayaran tersebut yang disebutkan sebagai *mu'amman lahu* atau *musta'min* kepada pengendali takaful atau *mu'ammin*. Penabung takaful seperti yang dijelaskan dalam Akta 759 IFSA 2013, adalah merupakan individu yang mempunyai hak milik yang sah di sisi undang-undang ke atas sijil takaful dan termasuklah jika suatu sijil takaful telah diserahkan hak, pemegang serah hak itu adalah wakil persendirian kepada penabung yang mempunyai hak ke atas faedah dan anuiti.

Sula (2014: 28) menyatakan bahawa insurans dikenali sebagai *at-ta'min* yang berasal dari perkataan bahasa Arab yang bermakna memberi perlindungan, ketenangan, rasa aman dan bebas dari rasa takut. Perkataan takaful berasal dari bahasa Arab iaitu "*kafala*" bermaksud saling menjamin. Merujuk kepada *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) takaful melibatkan persefakatan antara sekumpulan individu iaitu para penabung bagi tujuan mendapatkan perlindungan pampasan daripada kemudaratan atau risiko tertentu dengan memberi sumbangan berdasarkan kaedah *iltizam bi al-tabarru* yang bermaksud beriltizam untuk melakukan sumbangan ikhlas sehingga terbentuk satu tabung takaful yang memiliki *shakhsiyah i'tibariyyah* iaitu satu entiti khas dari segi undang-undang yang memiliki hak dan tanggungjawab dalam kewangan pemilikan sendiri dan syarikat akan bersedia membayar tuntutan pampasan kepada penabung yang mengalami kemudaratan seperti yang digariskan dalam Akta 759 IFSA 2013.

Berdasarkan penerangan di atas, takaful boleh disimpulkan sebagai kontrak insurans yang berpandukan asas-asas dan hukum-hukum syariah yang menggunakan konsep *tabarru* berbentuk sumbangan kebajikan dan *ta'awun* iaitu kerjasama serta tolong-menolong sesama penabung. Sumbangan ini adalah dari

tabung khas yang akan digunakan bertujuan menolong penabung yang ditimpa musibah. Adanya konsep perlindungan Islam iaitu takaful memudahkan pemilihan umat Islam yang merupakan alternatif daripada insurans konvensional yang dikategorikan sebagai haram kerana mengandungi unsur-unsur yang dilarang dari segi perundangan syariah seperti riba, *gharar* iaitu ketidak pastian, dan *maysir* iaitu perjudian.

Islam menggalakkan kegiatan ekonomi dan perniagaan, namun ianya haruslah tidak terkeluar dari batas-batas hukum syarak yang mana kebiasaannya apabila sesuatu produk itu dihasilkan secara berskala besar, wujud kebarangkalian kecacatan dalam kesempurnaan pematuhan syariah. Hasil daripada kelemahan ini, pengkaji dapati melalui penulisan serta keratan akhbar ada unsur kritikan terhadap isu tuntutan dan pembahagian yang melibatkan takaful kenderaan. Justeru, Safder Jaffer et al. (2010:13) menyatakan bahawa isu tersebut menyumbang kepada konsep wakalah dalam takaful yang menjadikan kutipan jualan takaful mengalami peningkatan melalui agen-agen. Secara tidak langsung dapat difahami bahawa, ketirisan akad boleh berlaku apabila agen yang dilantik mengejar keuntungan melalui kutipan komisen jika tidak mengambil berat terhadap proses akad dan pemahaman tuntutan terutama jika tidak dijelaskan dengan baik kepada penabung. Pandangan Safder ini perlu dipertimbangkan walaupun beliau berlatar belakangkan insurans konvensional dengan memegang ijazah *Actuarial Science* dari *Heriot Watt University, Edinburgh*, namun pendapat beliau yang menyentuh perihal akad ini telah mencetuskan satu fakta yang perlu dirungkai.

Hasil komisen yang diperolehi oleh wakalah melalui perolehan pelanggan setiap produk takaful sebenarnya telah ditetapkan oleh setiap pengendali takaful. Rajah 1.2 memperlihatkan kadar peratusan komisen sebanyak 45% yang disebut sebagai fi wakalah seperti yang ada dalam kotak penjadualan iaitu butir-butir dan simbol % untuk sumbangan. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menemui apa-apa penulisan atau kajian yang menyebut wujudnya isu terhadap komisyen wakalah melainkan yang hanya ditulis oleh Safder Jaffer (2010: 3).

Walaupun begitu, berdasarkan isu komisyen terdapat sebuah literatur berbentuk peringatan oleh wakil syarikat kepada ejen-ejennya yang telah ditulis oleh Khuzama Ab Rahaman dan Farah Adibah Mohd Apandi (2016) dari Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Berhad yang bertajuk "Tugas ejen pastikan penabung dapat maklumat tepat":

Jangan Kejar Untung

"Perlu diingat, kejayaan yang sebenar tidak cukup dengan hanya mengejar angka keuntungan tetapi apabila kita dapat melaksanakan tugas dengan betul. Kita adalah hamba dan khalifah Allah s.w.t di dunia. Justeru, dalam menjalankan tugas sebagai ejen takaful, jika kita sampai ke arah itu, Allah s.w.t pastinya akan memberikan alfatih iaitu kejayaan di dunia serta akhirat."

eTiqa Takaful Am									
HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")								
Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Femina Special . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Femina Special Tarikh : 01/11/2020								
<p>1. Apakah produk ini? Produk ini memberi perlindungan kemalangan diri dan juga perlindungan terhadap penyakit-penyakit kanser yang berkaitan dengan wanita serta perlindungan terhadap jenayah, di dalam satu pelan komprehensif.</p> <p>2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan? Wakalah Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhdmatan. Fi wakalah adalah seperti berikut:</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir-butir</th> <th>(% daripada sumbangan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>• Komisen dibayar kepada ejen</td> <td>25%</td> </tr> <tr> <td>• Perbelanjaan Pengurusan</td> <td>20%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Fi Wakalah</td> <td>45%</td> </tr> </tbody> </table>	Butir-butir	(% daripada sumbangan)	• Komisen dibayar kepada ejen	25%	• Perbelanjaan Pengurusan	20%	Jumlah Fi Wakalah	45%
Butir-butir	(% daripada sumbangan)								
• Komisen dibayar kepada ejen	25%								
• Perbelanjaan Pengurusan	20%								
Jumlah Fi Wakalah	45%								

Rajah 1.2 : Taksiran Komisen Wakalah

Sumber : Etiqa Insurans dan Takaful Malaysia

Pengkaji ingin memperlihatkan semula konsep takaful yang telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w seperti yang diriwayatkan oleh perawi hadis Bukhari dan Muslim iaitu apabila *qabilah Asy'ariyyin* mengalami kehabisan bekalan makanan dalam peperangan atau kekurangan bekalan ketika di Madinah. Mereka mengumpulkan semua bekalan yang tinggal dalam satu kain, kemudian membahagikannya sama rata sesama mereka.

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْغَزْوِ أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِبَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْهُمْ فِي ثُوبٍ
وَاحِدٍ ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسُّوَيّْةِ فَهُمْ مِنْنِي وَأَنَا مِنْهُمْ.

صحيح البخاري. الصفحة أو الرقم: 2486

Maksud hadis: Sesungguhnya orang-orang al-Ashari apabila berada dalam perperangan atau kekurangan makanan di Madinah, mereka akan mengumpulkan apa-apa yang mereka miliki dalam sebentang kain kemudian membahagi-bahagikan antara mereka ke dalam setiap mangkuk secara sama rata. Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Mereka ialah rakan aku dan aku ialah rakan mereka. (Hadis riwayat Bukhari, Nombor hadis: 2486).

Peristiwa ini boleh dijadikan sandaran *qias naqli* sebagai menyokong penubuhan tabung atau dana takaful berasaskan konsep *tabarru* dan kerjasama yang berasal perkataan Arabnya iaitu *ta'awun* di antara para penabung. Penubuhan tabung tersebut tidak harus bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi hendaklah berasaskan konsep *tabarru* yang bertujuan tolong-menolong sebagaimana yang disebutkan oleh hadis tersebut (Azman dan Mohamad Sabri, 2010).

Ta'awun menurut kamus *Lisannu al-Arab* (9:485) dari perkataan "تعاون" yang bermaksud saling bantu-membantu atau tolong-menolong antara seorang dengan yang lainnya. Selain itu, *ta'awun* juga bermakna sikap saling memiliki atau saling memerlukan sesama penabung sehingga berjaya menghasilkan sebuah pergaulan yang harmoni seperti yang dimaksudkan dalam al-Quran;

Firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَىٰ

Ertinya: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam hal mengerjakan kebaikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam hal perbuatan dosa dan permusuhan." (Al-Maidah: 2)

Pembentukan takaful adalah merupakan pembentukan hubungan sesama manusia dan ianya terikat dengan kaedah fiqh muamalat yang mewajibkan lafaz akad digunakan dalam menentukan samada hubungan tersebut sah atau terbatal melalui rukun akad dan syarat yang bersesuaian. Rukun menjadi suatu unsur yang